

Pakej komprehensif PM cerahkan ekonomi, ringankan beban rakyat

BERITA HARIAN 25 JUL 2025 w/d: 5

ANALISIS

Oleh
**Kamarulzaidi
Kamis**

kamarulzaidi@bh.com.my



Pengumuman terkini Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelmarin bukan sekadar berita biasa, tetapi adalah pakej komprehensif yang direka untuk meringankan beban kos sara hidup rakyat, merangsang ekonomi negara dan mengukuhkan kedudukan kewangan kerajaan.

Langkah ini yang selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI, menunjukkan komitmen kerajaan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi dinikmati bersama seluruh lapisan masyarakat.

Bayangkan, bermula 31 Ogos hingga akhir Disember 2025, setiap rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas akan menerima bantuan tunai sekali sahaja sebanyak RM100 melalui MyKad, satu inisiatif Sumbangan Asas Rahmah (SARA) yang diperluaskan untuk memberi kelegaan segera dalam pembelian barangan keperluan harian di lebih 4,100 kedai terpilih di seluruh negara.

Meskipun angka RM100 mungkin kelihatan kecil di mata sesetengah pihak, jangan sesekali memperlekehkan impaknya yang besar. Sebenarnya, ia adalah sebahagian daripada peruntukan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan SARA yang mencecah rekod tertinggi RM15 bilion untuk 2025, yang tertinggi dalam sejarah negara.

Bantuan ini yang akan dinikmati kira-kira 22 juta dewasa, umpama satu hadiah penghargaan yang terus mengalir ke dalam poket kita, membolehkan kita membeli keperluan asas tanpa terlalu berfikir panjang.

Bukan itu sahaja, kos pengangkutan yang sering menjadi duri dalam daging juga ditangani. Harga petrol RON95 akan dikurangkan kepada RM1.99 seliter untuk rakyat Malaysia yang layak, satu penurunan 6 sen yang pastinya memberi kelegaan kepada lebih 18 juta pengguna kenderaan setiap kali mengisi minyak.

Malah, kenaikan tol di 10 lebuh raya utama turut ditangguhkan. Langkah ini yang menelan belanja kerajaan sebanyak RM500 juta dalam bentuk pampasan kepada syarikat konsesi untuk mengelakkan kenaikan kadar tol yang dijadualkan, secara langsung mengelakkan beban tambahan kepada pengguna jalan raya. Ini

semua bermakna lebih banyak wang dalam tangan kita untuk dibelanjakan atau disimpan.

Pendapatan bermaruah

Kerajaan juga tidak lupa untuk meningkatkan kuasa pendapatan rakyat. Gaji minimum negara akan dinaikkan kepada RM1,700 bermula Februari 2025 untuk syarikat besar dan Ogos 2025 untuk perusahaan mikro, memberi manfaat kepada jutaan pekerja. Lebih menarik lagi, 153,000 pekerja di syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) akan menikmati gaji sara hidup sekurang-kurangnya RM3,100 sebulan, satu langkah berani yang memastikan pendapatan yang lebih bermaruah.

Tambahan pula, peruntukan Jualan Rahmah MADANI digandakan kepada RM600 juta, memastikan barangan keperluan asas boleh didapati pada harga diskaun di lebih banyak lokasi di seluruh negara.

Sebagai bonus, 15 September 2025 diisytiharkan sebagai cuti umum tambahan sempena Hari Malaysia, memberi kita panjang untuk berehat dan melancong dalam negara.

Langkah ini bukan sekadar bantuan kewangan semata-mata, tetapi juga suntikan

kepada ekonomi negara. Dengan peningkatan pendapatan boleh guna dan pengurangan kos sara hidup, rakyat dijangka akan berbelanja lebih, terutamanya untuk barangan keperluan dan perkhidmatan.

Ini akan melonjakkan penggunaan swasta yang dijangka meningkat kira-kira 5.0 peratus hingga 5.5 peratus pada 2025, seterusnya menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara (KDNK) negara kira-kira 1.0 peratus hingga 1.5 peratus.

Dalam suasana ekonomi global yang tidak menentu dan prestasi eksport yang mencahar, permintaan domestik yang kukuh ini bertindak sebagai penampakan penting, mengukuhkan daya tahan ekonomi Malaysia.

Mungkin ada yang bimbang mengenai inflasi. Namun, kerajaan sudah mengambil kira aspek ini. Walaupun suntikan tunai dan peningkatan gaji boleh meningkatkan permintaan, pengurangan harga RON95 bersubsidi akan membantu mengurangkan tekanan inflasi dorongan kos.

Ini adalah satu keseimbangan yang teliti, di mana kerajaan berusaha merangsang pertumbuhan tanpa membiarkan harga melambung tinggi, malah cuti umum tambahan juga dijangka merencanakan sektor pelancongan domestik, memberi

nafas baharu kepada industri perhotelan dan makanan.

Yang paling penting, semua langkah ini dirancang untuk bersifat neutral fiskal. Ini bermakna, kerajaan tidak akan menambah hutang negara atau menjejaskan kedudukan kewangan sedia ada.

Dana untuk inisiatif ini datang daripada kutipan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang diperluaskan yang dijangka menjana tambahan RM10 bilion serta penjimatan daripada subsidi minyak yang lebih rendah berikutan harga minyak mentah yang stabil di bawah paras belanjawan.

Ini menunjukkan penguurusan kewangan yang berhemat dan bertanggungjawab, memberi keyakinan kepada rakyat bahawa kerajaan mampu menyokong mereka tanpa mengorbankan kestabilan jangka panjang.

Secara keseluruhannya, pengumuman Perdana Menteri ini adalah satu manifestasi jelas + komitmen kerajaan untuk membina ekonomi yang lebih adil, mampan dan berdaya tahan.

Ia adalah hadiah kepada rakyat, suntikan semangat kepada ekonomi dan bukti pengurusan kewangan yang berhemat, semuanya demi masa depan Malaysia yang lebih cerah.